

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)7**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

7. Memandangkan keadaan kesesakan lalu lintas teruk di Jalan Permatang Pauh terutamanya pada waktu puncak dan sewaktu program diadakan di Butterworth Arena, adakah pihak Kerajaan Negeri merancang untuk melebarkan Jalan Permatang Pauh di hadapan Pangsapuri Ampang Jajar dan jambatan berkenaan dari empat lorong keenam lorong?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keadaan lalu lintas yang sesak di Jalan Permatang Pauh terutamanya pada waktu puncak. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) telah mengemukakan cadangan projek penggantian Jambatan Ampang Jajar FT3111, Jalan Permatang Pauh dalam permohonan *Rolling Plan* Kelima Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP5 RMKe-12) melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) dan akan mengangkat semula dalam permohonan RMKe-13.